

NO. SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 28 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8384

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes setiap tahun sejak 2010 yang dilaporkan kepada pihak polis atau Jabatan Imigresen di mana pekerja asing disyaki menjadi mangsa pemerdagangan orang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) mempunyai lima (5) buah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Jawatankuasa Media dan Publisiti serta Jawatankuasa Khas Pemerdagangan Buruh. Jawatankuasa Penguatkuasaan terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Bilangan kes yang telah dilaporkan bagi kes pemerdagangan orang yang melibatkan pekerja asing pada tahun 2010 ialah sebanyak 112 kes, tahun 2011 sebanyak 108 kes, tahun 2012 sebanyak 190 kes, tahun 2013 sebanyak 100 kes, tahun 2014 sebanyak 185 kes dan sehingga September 2015 sebanyak 99 kes.